

## PEMBANGUNAN DESTINASI PELANCONGAN DI KAMPUNG KEPAYANG, SIMUNJAN

Rudy Ujang

Pada 6 Januari 2024, sekumpulan pelajar dan pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah mengadakan aktiviti khidmat masyarakat di Kampung Kepayang, Simunjan, Sarawak. Objektif utama program Impact Digital with Community Tourism (IDCT) 2023 ini adalah mendokumentasikan maklumat bagi memperkenalkan Kampung Kepayang sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan. Kampung Kepayang terkenal dengan tapak perkelahan yang dikenali sebagai Sungai Rian dan ia mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan sebagai kawasan perkhemahan yang menawarkan aktiviti- aktiviti merentas hutan.

Ketibaan rombongan telah disambut oleh Ketua Kampung (KK) Kampung Kepayang, KK Lingga anak Kumbun, KK Lungkin anak Milan, KK Joseph Nayu anak Ali dan KK Lihang anak Damang serta penduduk kampung. Lawatan dimulakan dengan taklimat mengenai latar belakang Kampung Kepayang dan slepeas itu, rombongan bergerak ke Sungai Rian untuk lawatan tapak dan juga aktiviti khidmat masyarakat. Ketika lawatan tapak, banyak gambar dan video telah diambil bagi tujuan pembangunan bahan media promosi bagi memperkenalkan Kampung Kepayang kepada dunia luar. Lawatan diakhiri dengan pembersihan di kawasan sekitar Sungai Rian.

Para pelajar yang terlibat telah mengadakan dua *showcase* iaitu seminar *Positioning Sarawak as a Key Tourism Hub in ASEAN* anjuran bersama UiTM Cawangan Sarawak dan Air Asia, dan *Gawai Kaamatan Business Forum 2024* anjuran *Dayak Chamber of Commerce and Industry* pada bulan Jun dan Julai 2024. *Showcase* ini diharap dapat menjadi batu loncatan bagi memperkenalkan Kampung Kepayang sebagai salah satu lokasi pelancongan utama di Sarawak.

